



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	RM7.79 JUTA BANTUAN GERAN DISALUR KEPADA AGROPRENEUR MUDA DI SABAH, NEW SABAH TIMES -ONLINE	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
2.	TUKAR BUNGKUSAN BERAS DISELUDUP, HM -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
3.	'RAISE DOGS THE RIGHT WAY', NATION, THE STAR -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	MAN CLAIMS TRIAL TO CAUSING DEATH OF THREE CATS, NATION, THE STAR -8	
5.	BANTU PETANI ATASI LAMBAKAN BUAH, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	PUSAT PROSES BUAH-BUAHAN SABAH SIAP OGOS 2022, NEW SABAH TIMES -ONLINE	
7.	RM5MIL FRUIT PROCESSING CENTRE SOON FOR P'SULA MART, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -7	
8.	TINGKATKAN HASIL PERTANIAN MELALUI TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2020	NEWS SABAH TIMES	ONLINE	

## **RM7.79 juta bantuan geran disalur kepada Agropreneur Muda di Sabah**

KOTA KINABALU: Sejumlah RM7.79 juta bantuan geran telah disalurkan kepada 534 orang Agropreneur Muda di Sabah.

"Kelulusan geran melibatkan sektor tanaman (RM3.71 juta), perikanan (RM0.73), ternakan (RM1.02 juta) dan industri makanan (RM2.33 juta).

"Masing-masing sektor diwakili oleh 309, 34, 46 dan 145 orang Agropreneur Muda. Jumlah melibatkan geran daripada Januari 2016 sehingga bulan Ogos, 2020," kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee.

Dalam ucapan perasmian semasa Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan, Kembara Agropreneur dan Flag-Off Export Buah Tarap disini kelmarin, beliau berkata Geran Agropreneur Muda melibatkan bantuan dalam bentuk barangan yang bernilai sehingga RM20,000.

Teks ucapan Ronald dibacakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi.

"Bagi kelulusan geran bagi Fasa 2 (2020), 29 orang penerima di Sabah yang telah diluluskan geran dengan jumlah RM0.56 juta".

Geran sektor tanaman berjumlah RM0.20 juta (10 orang), perikanan RM0.01 juta (1), ternakan RM0.14 juta (7) dan industri makanan RM0.21 juta (11).

Pada majlis yang sama, Che Abdullah telah menyerahkan geran baharu bernilai RM10,000 hingga RM20,000 kepada tujuh Agropreneur Muda di Sabah.

Sementara itu, FAMA telah memberikan Kit Bantuan Agropreneur Muda kepada 30 penerima dari Daerah Beluran. Bantuan merupak inisiatif MAFI untuk membantu usahawan dalam bidang pemprosesan makanan ringan, bakeri dan pastri yang menghadapi kesukaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain membantu, inisiatif ini juga merupakan satu ruang untuk mempromosikan produk keluaran Agropreneur Muda Sabah".

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## Tukar bungkus beras seludup



Kuala Lumpur: Segelintir peniaga dikesan menukar pembungkusan beras seludup atau beras tidak sah kepada paket yang lebih kecil untuk mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun taktik itu dikesan Bahagian Penguat Kuasa Kawalselia Padi dan

Beras (KPB) selepas melakukan siri Ops Smuggle dan India Gate sejak Rabu lalu.

Beras yang sudah dipaketkan semula diletakkan di dalam kotak beras satu kilogram manakala ada juga yang masih disimpan di dalam kontena di gudang.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, dalam serbuan sekitar Georgetown, Pulau Pinang Rabu lalu, pihaknya merampas 6.5 tan pelbagai jenis beras termasuk Basmathi dan Chinigura dari India.

Katanya, beras berkenaan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran tempatan berikutan kualiti yang lebih baik berbanding yang diimport Bernas.

"Kita dapati permintaan tinggi dalam kalangan pemborong, peruncit dan restoran India di Pulau Pinang.

"Pembekal mempunyai jadual tersendiri untuk menghantar beras kepada kedai dan mereka membawa jumlah yang lebih untuk dijual kepada pembeli tanpa sebarang invois," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, dalam serbuan di Tanjung Kidurung, Bintulu, Sarawak semalam, pihaknya merampas 23 tan beras Vietnam bernilai RM85,790 yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelabuhan.

Katanya, ketika serbuan, stok beras berkenaan masih berada di dalam kontena untuk dihantar kepada pemborong.

"Mereka melakukan kesalahan mengikut Perkara 8(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996," katanya.

Secara keseluruhan, operasi berkenaan mendapati ada juga peniaga yang mempamerkan beras terbabit secara terbuka untuk jualan kepada pelanggan.

"Saya ingin memberi amaran, KPB akan terus menggempur lokasi di mana kita tahu ada beras seludup atau beras tidak sah ini.

"Kita tidak akan memberi ruang kerana sindiket ini bukan saja melanggar undang-undang, tetapi dalam skala yang lebih besar, mereka menjejaskan industri padi dan beras negara," katanya.

# 'Raise dogs the right way'

Groups: Owners must monitor temperament of certain breeds

By ASHLEY TANG  
ashleytang@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Man's best friend always has its own personality, so owners of restricted breeds should pay particular attention to their dog's temperament, say animal groups.

This advice came about following the Veterinary Services Department's (DVS) recent Facebook post on restricted dog breeds.

The breeds on the list are the bull mastiff, bull terrier, doberman, German shepherd, perro de presa canario (also known as canary dog) and rottweiler.

Selangor Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) chairman Christine Chin explained that the breeds on the restricted list were mainly working dogs that need training and exercise.

"These dogs are mainly bred to do more security work or guard work, and they have strong personalities. It means that they are not a pet that you just cuddle and do not train. Also, not the type, when you are fed up, you put them in the cage.

"You cannot do that to these dogs. They need space, your time and they need you to exercise them rigorously. That's why they are restricted," she said when contacted.

PAWS Animal Welfare Society shelter manager Edward Lim pointed out that breeds such as the German shepherd, rottweiler and

## Lists of restricted dog breeds



Source: Department of Veterinary Services

doberman were bred to be guard dogs.

"They tend to be more alert, more ferocious, more brave, and have more guts compared to normal dogs. They have that advantage because they are bred for that purpose.

"It is the question of how we bring up the dog that is more important than the breed itself. Like all pure bred dogs, they are bred for a reason and purpose," he said.

Lim said that owners of these dogs should train them, keep them

secure in the compound and put them on a leash when they are taken out for a walk.

DVS director-general Danuk Dr Norhizan Mohd Noor said: "The restricted list refers to the breed of dogs that is trained to perform certain duties such as for the military, police, customs or as guard dogs."

As such, he said these dogs "act on command and are not usually kept as pets or companions".

Dr. Norhizan said those who decide to have dogs as a pet are advised to train their dogs.

"All dogs are to be licensed by the local authorities according to the Local Government Act," he added.

"The DVS list is also based on benchmarking against global guidelines as well as air travel guidelines for dogs," said Malaysian National Animal Welfare Foundation secretary Shrilan Sivagumathan.

He said restricted dog breeds kept as pets must get higher levels of exercise, mental stimulation through toys and lots of activities for bonding instead of being locked in a cage the whole day.

## Man claims trial to causing deaths of three cats

**GEORGE TOWN:** A 35-year-old man accused of causing the deaths of three cats simply nodded as he claimed trial at a Sessions Court here.

Appearing calm and composed in the dock, ice-cream seller Saiful Azhar Md Rahani was charged with unreasonably causing pain and suffering to three cats under his care, resulting in their deaths in February last year.

Based on the charge sheet, the accused is said to have committed the offence at a house in Teluk Bayu, Sungai Batu, Teluk Kumbar, at 4.45pm on Feb 26, 2019.

The charge under Section 29(1) (e) of the Animal Welfare Act 2015 is punishable under Section 29(1) of the same Act, which provides for a fine of between RM20,000 and RM100,000, or a jail term of up to three years, or both, upon conviction.

Veterinary Services Department enforcement head Roziman Awang Tahrin, who appeared as the prosecuting officer, asked the court to set a date to enable Saiful to engage a lawyer.

Sessions court judge Mazdi Abdul Hamid set Oct 12 for case mention.

"You need to appoint a lawyer to fight your case in court or you will have to represent yourself," Mazdi told Saiful.

"Make sure you attend court proceedings on the next date.

"If you fail to do so, I will impose bail and other necessary conditions," the judge said.

This is the second animal cruelty case brought to court by the department in Penang this week.

On Monday, a 40-year-old administrative clerk was fined RM30,000 for the unreasonable treatment of two dogs belonging to her, causing them unnecessary pain and suffering, which resulted in the death of one dog.

# Bantu petani atasi lambakan buah

MAFI melalui FAMA bangunkan pusat pemprosesan buah di Sabah

## KOTA KINABALU

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membangunkan pusat pemprosesan buah-buahan bagi membantu petani mengatasi lambakan buah-buahan di Sabah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, projek ini juga bagi mendukung hasrat kerajaan untuk meningkatkan eksport negara, sekali gus menyumbang pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Selain itu, kita juga dapat memanfaatkan pusat ini untuk memasarkan buah-buahan ikonik seperti buah tarap, pomelo dan pisang Sabah kepada rakyat di Semenanjung



Che Abdullah (tengah) melihat produk pertanian pada Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan dan Kembara Agropreneur Muda di FAMA Sabah dekat Kota Kinabalu semalam.

serta eksport ke luar negara.

"Ia sekali gus memberi keyakinan kepada petani untuk meningkatkan tanaman dan meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

"Pada masa yang sama, pusat ini dapat menggalakkan penglibatan belia untuk terlibat

dalam industri pemprosesan buah-buahan," katanya pada

perasmian Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan dan Kembara Agropreneur

Muda di FAMA Sabah dekat sini semalam.

Teks ucapan beliau dibaca-

Sabah melalui FAMA, antaranya menaik taraf pusat operasi FAMA Kota Kinabalu, Pasar Tamu Tomborungus di Kudat dan pasar tamu di Kunak, selain pembangunan pusat pemprosesan buah-buahan.

Menurutnya, FAMA juga akan membekalkan buah tarap ke Semenanjung melalui udara dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad.

"FAMA telah memperkenalkan buah tarap kepada masyarakat di Semenanjung dengan penganjuran program *My Best Buy*. Saya percaya buah tarap akan turut mendapat permintaan yang baik di Semenanjung.

"Kita juga mengeksport pisang Sabah sebanyak 20,000 tan metrik pada tahun lalu dengan nilai eksport sebanyak RM115 juta," katanya.

Dalam perkembangan berlainan, Ronald berkata, Kementerian menyalurkan geran sebanyak RM7.79 juta bagi membantu seramai 534 pe- serta agropreneur muda di Sabah bagi menggalakkan mereka menceburi sektor pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2020	NEWS SABAH TIMES	ONLINE	

## Pusat proses buah-buahan Sabah siap Ogos 2022

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata projek berjumlah RM5 juta itu dibangunkan di bawah bajet Pelan Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) yang disalurkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui kementeriannya.

Lokasi pusat akan dibangunkan di kawasan Kompleks Pemasaran FAMA, Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).

"Pusat ini akan memberikan kemudahan dan persediaan kepada golongan sasar dan dapat membantu mereka memasarkan hasil pertanian serta mengelakkan berlaku lambakan".

Berkata semasa Majlis Pecah Tanah Pusat Pemprosesan Buah-Buahan dan Kembara Agropreneur Muda Khamis lalu, Ronald menambah pembangunan itu juga menjadi saluran untuk mengatasi lambakan durian kampung dan klon tidak komersial.

"Pusat ini dijangka mampu memproses 1,500 metrik tan buah-buahan tempatan menjelang tahun 2025 untuk tujuan eksport.

Teks ucapan Ronald dibacakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi.

Selain pembangunan pusat pemprosesan, projek lain yang dirancang oleh FAMA adalah penaiktarafan Pusat Operas FAMA KK, Pasar Tamu Tomborungus di Kudat dan Pasar Tamu Kunak.

Sementara itu, FAMA telah mengeksport 20,000 tan metrik Pisang Sabah pada tahun 2019.

"Jumlah meningkat hampir 900 peratus berbanding dua tan meteik pada tahun 2012".

Ronald menambah nilai eksport keseluruhan bagi Pisang Sabah bernilai RM115 juta.

Melihat kepada model pengeksportan Pisang Sabah yang positif, FAMA juga telah menjalankan beberapa siri pengeksportan ke Semenanjung Malaysia melibatkan beberapa jenis buah-buahan lain seperti pomelo dan tarap.

"Percubaan eksport buah tarap ke Semenanjung Malaysia adalah satu langkah yang tepat bagu mempromosikan buah eksotik Sabah kepada masyarakat di seluruh negara.

"Buah tarap yang manis dan lembut biasanya boleh didapati di daerah Ranau, Tongod, Nabawan, Kudat dan Kota Belud dan memang sukar diperoleh di tempat lain".

Tambahan, program MyBest Buy oleh FAMA pada tahun 2019 telah menyaksikan 3 metrik tan buah-buahan dari negeri Sabah termasuk tarap dan habis dijual dalam masa kurang daripada tiga jam.

Headline	RM5mil Fruit Processing Centre soon for p'sula mart		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	11 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	7	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	375 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,992
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,976



# RM5mil Fruit Processing Centre soon for p'sula mart

**Otley Peter**

KOTA KINABALU: Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will have a Fruits Processing Centre soon, which will provide facilities and preparation for the target group that can help them to market their agricultural products and prevent dumping.

The RM5 million centre is expected to complete in August 2022.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee, who officiated the ground-breaking ceremony held at Fama Marketing Complex, Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) here Thursday, said the development of the centre is also a channel to overcome the dumping of durian kampung and non-commercial clones.

It is also expected to be able to process 1,500 metric tonnes of local fruits by year of 2025 for export purposes, he said in a speech delivered by its Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Khandee said Sabah Fama has conducted a series of exports to Peninsular Malaysia involving several types of fruits such as Sabah bananas, pomelo and tarap.

He said it was the right move to promote Sabah exotic fruit to the community in Malaysia, especially the people in Peninsular Malaysia.

"Sweet and tender tarap fruit can usually be found in Ranau, Tongod, Napawan, Kudat or Kota Belud.

"Taking the example of the MyBest Buy programme held in 2019, Fama brought three metric tons of fruit from Sabah including tarap and was sold out in less than three hours.

"Fama took the Sabah banana export model which has shown a sharp increase from 2012 to 2019.

"Last year, they exported 20 thousand metric tons compared to two thousand metric tons in 2012, an increase of almost 900 percent.

"The total export value of Sabah bananas for the period was RM115 million," he said.

Meanwhile, Khandee said Mafi has



**Che Abdullah (seated) during the ground-breaking ceremony.**

introduced Agrobank AgroKredit Fund programme under the National Economic Recovery Plan (Penjana) with an allocation of RM350 million.

"This is followed by the My Agro Future Programme of RM40 million and the Kebuniti programme of RM10 million. The Ministry under the Young Agropreneur Unit has held a series of Young Agropreneur tour from September 4 to 11, this year.

"The programme will open up opportunities for the Ministry to meet with youths in Sabah as well as to attract their interest to get involved in agriculture.

"Funding and development assistance channelled through federal departments and agencies can help increase the productivity of the country's agricultural and food industry, including in Sabah," he said.

Earlier, Che Abdullah also presented 30 food-assistance kits to 30 of the less fortunate and grants to 29 young agropreneurs.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

### Tingkatkan Hasil Pertanian Melalui Teknologi Pertanian Tepat



Seni Kreatif Dalam Era Globalisasi Norma Baharu



Pertanian dan Peluang Golongan Belia

Pada 2050 dijangka populasi dunia akan meningkat sebanyak 9.8 bilion dan keperluan makanan dunia pada waktu itu dijangka akan meningkat sehingga 70 peratus. Dikhabarkan kaedah pertanian sedia ada sekarang tidak mampu untuk memenuhi peningkatan keperluan makanan ini. Di dalam negara pula, kita masih perlu mengimport sebanyak 30 peratus bekalan beras untuk mencukupkan keperluan tempatan. Sekiranya berlaku bencana alam yang tidak diingini seperti serangan belalang juta di India ianya boleh menjejaskan bekalan import negara. Teknologi yang hangat diperkatakan untuk mengatasi masalah ini ialah kaedah Pertanian Tepat yang tercetus daripada fenomena Internet Kebendaan (IoT). Teknologi ini digolongkan dalam "teknologi yang menimbulkan gangguan" kerana ia akan merubah norma proses biasa kepada norma yang baharu.

### **Penggunaan teknologi**

Kaedah Pertanian Tepat ini menggunakan gabungan teknologi untuk mengukur dengan tepat bagi setiap proses pertanian bagi memastikan setiap sumber digunakan dengan optimum. Ini bermakna sumber-sumber yang digunakan adalah dalam keadaan berkadar boleh ubah dan bukannya berkadar tetap. Teknologi yang digunakan termasuklah GPS, sensor, dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik. Sebagai contoh dron digunakan untuk mengambil gambar imej tanaman dan imej ini boleh dianalisis untuk mengesan penyakit pada pokok, kadar klorofil, kadar kelembapan tanah dan kewujudan serangga perosak. Dengan mengetahui kadar kelembapan tanah, petani dapat mengetahui kadar air yang diperlukan oleh tanaman mereka. Begitu juga dengan kadar klorofil dan penyakit pokok. Baja dan racun dapat digunakan dengan sewajarnya di kawasan yang memerlukan. Contoh penggunaan sensor pula boleh mengukur tahap keasidan dan kealkalian tanah.

Teknologi ini dapat melakukan kerja manual dengan lebih cepat dan tepat. Projek perintis teknologi Pertanian Tepat oleh Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) di kawasan sawah padi di Kedah dan Perak menunjukkan penjimatan penggunaan baja sehingga 25 peratus sehektar dan kos operasi buruh dapat dikurangkan sehingga 50 peratus. Ia juga telah mengoptimalkan pengeluaran hasil padi.

Pertanian Tepat ini dapat membantu masalah global yang dihadapi oleh para petani. Ini termasuk kekurangan sumber air, variasi cuaca yang tidak menentu, kos tenaga yang semakin meningkat dan kekurangan sumber tanah. Terdapat juga desakan daripada masyarakat yang inginkan proses penghasilan produk pertanian menjadi lebih telus. Dengan kaedah Pertanian Tepat, semua data-data yang diperlukan untuk menyelesaikan permasalahan ini dapat dijana secara automatik. Penggunaan air yang berlebihan dapat dikurangkan dan hasil dapat ditingkatkan walaupun menggunakan keluasan kawasan yang sama. Kecanggihan teknologi membolehkan serangga yang menyerang tanaman dapat dikesan dari jarak ketinggian 200 kaki dan hanya kawasan yang terjejas sahaja yang perlu disemur dengan racun serangga perosak. Data-data tersedia ini dapat dihidangkan kepada pengguna pada masa nyata bagi menunjukkan hasil pertanian memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan.

Teknologi Pertanian Tepat ini hadir kerana wujudnya gabungan teknologi yang menyokong antara satu sama lain. Kecerdasan buatan dapat menganalisa imej-imej yang diambil oleh dron bagi membantu sistem membuat keputusan. Imej-imej ini pula disokong dengan data-data daripada sensor yang dipasang di ladang pertanian atau ternakan. Dron dan jentera pembajak pula dapat bergerak dengan cekap menggunakan teknologi GPS. Kesemuanya ini pula dihubungkan melalui Internet dan membolehkan pemilik ladang membuat kawalan di telefon bimbit. Gabungan teknologi ini membolehkan satu sistem automasi dilakukan daripada fasa pertama penggemburan tanah sehingga ke fasa akhir di mana tuaian dilakukan.

### **Menerokai Pertanian Tepat**

Di Malaysia, pertanian tepat masih belum diterokai sepenuhnya. Kebanyakan usaha masih pada peringkat penyelidikan atau projek perintis yang dijalankan agensi kerajaan seperti MARDI, MIMOS Berhad dan universiti tempatan. Terdapat juga agensi swasta yang menawarkan kepakaran mereka untuk tujuan implementasi teknologi pertanian tepat. Buat masa ini untuk melihat dron-dron berterbangan memantau tanaman atau menabur baja di ladang-ladang di negara kita belum lagi menjadi norma yang biasa. Antara faktor penghalang ialah kos permulaan yang besar dan kita juga masih kekurangan pakar dalam bidang ini. Teknologi yang ada di luar negara pula selain mahal ia juga perlu disesuaikan terlebih dahulu dengan tanaman di Malaysia seperti kelapa sawit, getah, padi dan nanas. Kita perlu mengutamakan pembangunan kepakaran dalam negara daripada mengadaptasi teknologi luar kerana terdapat pelbagai pemboleh ubah yang berbeza dalam praktik pertanian kita yang mungkin hanya boleh difahami dengan lebih baik oleh warga tempatan.

--BERNAMA